


Sikap Remaja Hamil Tanpa Nikah di Dua Buah Rumah Perlindungan Wanita Awam di Malaysia


Mohamad Shahbani Sekh Bidin ¹, Nurhazlina Mohd Ariffin, Fuziah Shaffie & Md Zawawi Abu Bakar

Pusat Pengajian Psikologi Gunaan, Dasar dan Kerja Sosial
Universiti Utara Malaysia,
06010 UUM Sintok,
Kedah Darul Aman, Malaysia

Abstrak

Out-of-wedlock pregnancy among Malaysian adolescents is not a new issue. Typically, they are placed in a protection home as a rehabilitation process. Therefore, attitude formation among them is necessary to ensure they can face their pregnancy rationally. This qualitative study was conducted to identify the attitudes of out-of-wedlock pregnant adolescents in the protection home. A semi-structured interview was conducted with eight out-of-wedlock pregnant adolescents in two public protection homes. The interviews were recorded, the collected data was transcribed, and then analysed using the thematic procedure. The findings identified four themes concerning the attitudes of pregnant-out-of-wedlock adolescents: self-regret, intention to change, independence, and sense of responsibility. In conclusion, the participants showed a good attitude while following the rehabilitation programme in the protection home. This study recommends that the module used by the protection home institution is standardized for all public and private protection homes. In addition, all protection home is hoped to be able to care for and increase their service quality and enhance their existing rehabilitation model from time to time.

Keywords: Adolescents, out-of-wedlock pregnancy, experience, Women's Shelter Homes

¹  mohamad.shahbani@gmail.com

Pengenalan

Remaja yang belum bernikah dan hamil atau remaja hamil tanpa nikah (RHTN) masih menjadi cabaran di peringkat global dan nasional (Aishah et al., 2019). Golongan ini perlu diberi perhatian agar kefungsiian sosial mereka dapat dipertingkatkan pada masa hadapan. Menurut, laporan Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO), bagi kes kehamilan yang melibatkan remaja yang berumur antara 15 hingga 19 tahun, negara Malaysia berada di tempat keempat daripada 10 negara yang berhadapan dengan isu yang sama di seluruh dunia (Siti Marziah & Nur Afifah, 2017).

Laporan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) pula menunjukkan peratusan remaja hamil tanpa nikah (RHTN) pada 2014 hanya 25% dan meningkat kepada 37% pada 2018 (KKM, 2019). Angka ini sangat merisaukan kerana masalah ini akan memberikan impak negatif kepada negara dalam aspek ekonomi, rohani dan sosial. Selain daripada itu, RHTN juga akan menyumbang kepada masalah utama lain seperti pengguguran tidak selamat, pembuangan bayi, dan kelahiran anak tidak sah taraf (Mohamad Shahbani & Fuziah, 2020; Manzi et al, 2018; Nor Jana et al., 2016; Sedgh et al., 2015). Apa yang berlaku ini dilihat semakin membimbangkan dan kelihatan sukar dikawal (Kumar, 2015).

Kehamilan tanpa nikah dilihat negatif dan tidak diterima dengan baik dalam konteks Malaysia (Rohany et al., 2016). Apabila disahkan hamil, mereka akan mula merasai kebimbangan yang teruk yang boleh menyukarkan mereka untuk menghadapi cabaran hidup (Azmawaty al et., 2019). Situasi ini tidak boleh dibiarkan berlarutan kerana perbuatan memendam perasaan tersebut boleh memberi kesan yang mendalam kepada badan dan minda remaja terlibat. Tambahan pula, kebanyakan RHTN ditinggalkan oleh ibu bapa, penjaga, dan sahabat seterusnya mereka cenderung untuk berasa lebih takut untuk meneruskan kehidupan kerana perasaan malu, trauma dan tertekan (Cense & Ganzevoort, 2018; Sedgh et al., 2015; Vin et al., 2014). Hal ini boleh menyebabkan mereka bertindak menggugurkan kandungan, membuang bayi dan mengambil tindakan membunuh diri (Mariam et al., 2020; Manzi et al, 2018; Wan Fadhillah, 2012).

Justeru, persoalan sikap RHTN ketika dalam tempoh kehamilan amat penting bagi mengelakkan mereka melakukan perkara yang tidak sepatutnya. Pelbagai usaha harus difikirkan untuk membantu remaja yang berada dalam situasi ini. Salah satu usaha murni yang difikirkan amat baik dan relevan ialah menyediakan rumah perlindungan kepada mereka. Maka, kajian ini bertujuan mengenal pasti sikap RHTN semasa mereka berada di rumah perlindungan. Hal

ini membolehkan RHTN mempunyai kemampuan dan ketahanan diri untuk melalui tempoh kehamilan dengan baik.

Ulasan Literatur

Sikap remaja hamil tanpa nikah

Sikap merupakan kepercayaan perasaan dan kecenderungan tindakan yang dilakukan seseorang terhadap sesuatu atau seseorang berdasarkan apa yang difikirkan mengenai sesuatu perkara tersebut. Menurut Pearson et al. (2011), sikap ialah kesediaan untuk bertindak secara baik atau tidak terhadap seseorang, objek, idea, atau situasi. Sikap juga sebagai penilaian umum terhadap objek rangsangan (Trenholm & Jensen, 2011). Oleh itu, secara tidak langsung, sikap melibatkan tindakan yang bersifat positif ataupun negatif bagi bertindak balas terhadap objek atau keadaan yang berlaku di persekitaran.

Beberapa faktor seperti pengalaman hidup, nilai, sifat moral, dan persekitaran hidup seseorang seperti keluarga dan masyarakat secara langsung mempengaruhi sikap mereka terhadap perkara atau orang tertentu. Hal ini kerana sikap berakar umbi pada tingkahlaku dan emosi kita. Lebih penting lagi, sikap adalah berbeza dari satu individu ke yang lain dan dari satu perkara ke yang lain. Tambahan, sikap telah melalui proses pengorganisasian motivasi, emosi, persepsi, dan kognitif yang tidak mudah luntur terhadap sesetengah aspek persekitaran kita. Justeru, sikap dipengaruhi oleh keperluan, perasaan dan kepercayaan kita (Maio et al., 2018; Olsen & Kendrick, 2008).

Dalam kes hamil tanpa nikah, pelbagai faktor kehidupan peribadi dan sosial mempunyai pengaruh yang signifikan terhadap sikap remaja tersebut (Bałanda-Bałdyga et al., 2020) Remaja yang hamil melalui hubungan dengan teman lelaki lazimnya akan cepat berasa panik untuk menangani apa yang harus mereka lakukan supaya tidak diketahui oleh pihak keluarga masing-masing dan lebih-lebih lagi apabila kekasihnya enggan bertanggungjawab (Mariam et al., 2020; Utomo & Utomo, 2013).

RHTN juga turut merasa takut terhadap keluarga terutama ibubapa serta merasa malu dengan masyarakat sekeliling seterusnya menyebabkan perubahan sikap yang negatif dan keadaan emosi yang tidak menentu (Mariam et al., 2020; Rohany et al., 2016). Situasi ini boleh mengakibatkan terdapat sebilangan remaja tersebut yang cuba menggugurkan kandungan dengan pelbagai cara untuk menutup kehamilan mereka. Terdapat dalam kalangan mereka merasakan perbuatan mereka tidak diketahui dan masih mengulangi kesalahan yang sama

(Dallas, 2013). Namun, sebahagian mereka yang tidak mampu menangani perkara tersebut disebabkan masih berada di bawah umur terpaksa menceritakan kehamilan yang terjadi kepada keluarga. Bagi mengelakkan kehamilan anak perempuan diketahui oleh masyarakat setempat, keluarga terpaksa menempatkan anak mereka di rumah perlindungan.

Kerangka teoritikal

Teori Kelekatan

Teori kelekatan (*attachment theory*) merupakan ikatan emosi yang dibentuk oleh individu dengan individu tertentu, mengikatnya dalam keakraban abadi sepanjang masa (Ainsworth & Bowlby, 1991). Kelekatan terbahagi kepada kumpulan besar iaitu kelekatan selamat dan kelekatan tidak selamat. Individu yang mendapat ikatan yang selamat adalah yakin, optimis, dan mampu membina hubungan rapat dengan orang lain. Sebaliknya, individu yang memperoleh ikatan yang tidak selamat akan menarik diri, tidak selesa dalam perhubungan dan berasa tidak bernilai (Ainsworth & Bowlby, 1991; Bowlby, 1988). Hal ini mempengaruhi sikap individu yang terlibat kerana kelekatan memberikan rasa yakin bahawa orang lain dapat memberikan ketenangan. Namun, sama ada individu akan mengalami ketenangan atau tidak bergantung kepada jumlah dan kualiti sokongan sosial yang mereka terima. Individu perlu terikat kuat dengan seseorang yang positif yang mereka percayai dan rapat (ibu bapa, penjaga atau rakan,) untuk memberikan sokongan sosial yang diperlukan untuk perkembangan sikap mereka ke arah lebih baik.

Teori Konsep Kendiri

Teori konsep kendiri (*self concept theory*) terdiri daripada pertimbangan sendiri, penilaian orang lain, dan penilaiannya terhadap persepsi orang lain terhadap dirinya (Rogers, 1959, 1981). Hal ini berkait rapat dengan idea individu tentang apa yang mereka mungkin menjadi, apa yang mereka ingin menjadi, atau apa yang mereka takut untuk menjadi. Dalam konstruk konsep kendiri, kendiri adalah rujukan pertama. Konsep kendiri dirumuskan sebagai asas kepada pembentukan personaliti individu, termasuk penilaian, sikap, kepercayaan, pemikiran, dan persepsi terhadap dirinya (Rogers, 1959). Individu bertindak balas terhadap "realiti" seperti yang dialami dan dirasakan. Teori ini menekankan bahawa kita bermotivasi untuk mengekalkan dan memperbaiki diri, termasuk keperluan psikologi dan fisiologi. Rogers (1981) percaya bahawa sepanjang hidup, kita menilai pengalaman sama ada menggalakkan atau menghalang pembangunan diri. Selain itu, konsep kendiri terbentuk apabila seseorang

mengambil nilai orang lain ke dalam dirinya. Individu tersebut akan mengikut nilai yang dipegangnya. Oleh itu, seseorang itu perlu mempunyai konsep sendiri yang positif supaya dia akan mempunyai kehidupan yang bermakna. Dalam konteks kajian ini, apabila remaja mempunyai konsep sendiri yang positif, dia mempunyai tahap keyakinan yang tinggi seterusnya mengekalkan sikap yang baik.

Metodologi Kajian

Pendekatan kajian

Kajian ini dijalankan secara kualitatif kerana kajian ini menekankan pengalaman peserta kajian yang lebih bersifat subjektif berkaitan dengan remaja hamil tanpa nikah. Tambahan, kajian ini bertujuan untuk memahami realiti dan situasi yang dihadapi oleh peserta kajian secara langsung dengan lebih mendalam. Justeru, pengkaji dapat menemubual peserta kajian secara terus dan menterjemah sikap mereka sepanjang berada di rumah perlindungan dengan lebih efektif.

Reka bentuk kajian dan kriteria kelayakan menyertai kajian

Kajian kualitatif ini menggunakan pendekatan kajian kes ke atas dua buah rumah perlindungan wanita yang dikendalikan oleh agensi kerajaan di semenanjung Malaysia. Sebanyak lapan orang RHTN daripada kedua-dua rumah perlindungan wanita kerajaan ini telah dipilih sebagai peserta kajian dengan menggunakan teknik persampelan bertujuan (Creswell & Poth, 2018). Mereka telah berada di rumah perlindungan di antara satu hingga tujuh bulan telah dipilih bagi memenuhi objektif kajian iaitu: (i) berusia antara 14 hingga 18 tahun, (ii) warganegara Malaysia, (iii) berbangsa Melayu dan beragama Islam, (iv) boleh berkomunikasi dalam bahasa Melayu, dan (v) kehamilan pertama disebabkan interaksi seksual dengan teman lelaki atau pasangan seksual secara persetujuan bersama. Selain itu, peserta kajian (i) tidak mengalami sebarang gangguan psikiatri dan tidak terlibat dalam penyalahgunaan dadah, (ii) tidak mempunyai penyakit kritikal, tidak lumpuh, dan (iii) boleh bercakap, melihat dan mendengar. Kriteria ini dimaklumkan dan dibincangkan dengan penjaga di rumah perlindungan. Hal ini bagi memastikan penyelidik memilih peserta yang boleh memberikan persetujuan termaklum dan memberikan data yang berkaitan (Creswell & Poth, 2018).

Teknik pengumpulan data primer

Kaedah temu bual separa berstruktur digunakan untuk kajian ini. Temu bual ini dipilih kerana membolehkan soalan susulan atau lanjutan dibuat berdasarkan jawapan yang diberikan kepada soalan yang dikemukakan sebelumnya (Creswell, & Poth, 2018; Yin, 2018; Merriam & Tisdell, 2016). Penyelidik (penemubual) juga merupakan instrumen kajian dalam kajian ini kerana data yang dikumpul daripada temu bual sangat bergantung kepada soalan yang ditanya dan disiasat oleh penemubual.

Protokol temu bual

Protokol temu bual yang dibangunkan melibatkan penilaian daripada lima orang pakar iaitu pakar kerja sosial, pakar psikologi remaja, pakar sosiologi, pakar pendidikan Islam, dan pakar bimbingan dan kaunseling. Pakar telah mengemukakan maklum balas dan mencadangkan perubahan mengenai soalan-soalan yang akan digunakan dalam temu bual (Merriam & Tisdell, 2016).

Teknik analisis

Data temu bual pula dianalisis secara tematik (Braun & Clarke, 2006). Analisis tematik menyediakan ruang untuk interpretasi dan penglibatan penyelidik dan memfokuskan kepada penghasilan tema (Marshall & Rossman, 2016). Hasil analisis data kualitatif ini menjadi input yang bermakna untuk kajian ini.

Etika penyelidikan

Etika penyelidikan dipatuhi dengan membuat permohonan kebenaran untuk memasuki tempat penyelidikan. Memandangkan kajian ini dijalankan di rumah perlindungan wanita kerajaan, maka penyelidik terlebih dahulu mendapatkan kebenaran secara bertulis daripada pihak Jabatan Kebajikan Masyarakat Malaysia (JKMM) dan telah mendapat kelulusan etika daripada JKMM pada 26 Jun 2019 melalui surat penyata bernombor: JKMM 100/12/5/2: 2019/236 bagi tujuan menjalankan kajian dan sesi temubual bersama peserta kajian yang terlibat di rumah perlindungan wanita.

Selain itu, penyelidik juga mendapat persetujuan secara lisan daripada penjaga memandangkan peserta berumur di bawah 18 tahun dan di bawah jagaan penjaga di rumah perlindungan. Penyelidik juga mendapat persetujuan peserta kajian secara lisan dan bertulis. Penyelidik menerangkan kepada peserta objektif kajian dan topik yang akan dibincangkan semasa temu bual. Setelah peserta membaca, memahami dan bersetuju untuk mengambil bahagian,

pengkaji meminta mereka mengisi surat kebenaran dan menandatangani borang kebenaran. Peserta kajian juga diberi jaminan bahawa semua maklumat yang diperolehi akan dirahsiakan dan nama sebenar tidak akan disebut dalam kajian. Penyelidik turut memaklumkan kepada peserta kajian bahawa semua rakaman audio tidak akan disebarluaskan melalui media dan hanya akan digunakan untuk tujuan penyelidikan ini. Tambahan, semua rakaman audio termasuk dokumen yang belum dicetak yang berkaitan dengan kajian, telah disimpan dalam komputer yang dilindungi kata laluan. Dokumen bercetak pula disimpan dengan menguncinya dalam kabinet fail yang tidak boleh diakses oleh orang lain. Penyimpanan data yang dikumpul adalah tanggungjawab utama penyelidik untuk mengelakkan kebocoran maklumat demi melindungi peserta dalam kajian ini. Semua proses ini amat penting bagi memastikan tiada sebarang ikutan etika dipersoal (Grady, 2015).

Dapatan Kajian

Profil demografi responden

Jadual 1 memberikan gambaran ringkas tentang profil demografi bagi 8 peserta yang terlibat dalam kajian ini.

Jadual 1: Profil Demografi Peserta Kajian

Bil.	Penghuni	Maklumat Profil
1.	Adik A (bukan nama sebenar)	<ul style="list-style-type: none"> • Umur: 16 tahun • Pendidikan: Tingkatan Empat • Status keluarga: Ibu suri rumah dan bapa berniaga • Bilangan adik-beradik: Empat orang (anak pertama) • Status teman lelaki: Berumur 18 tahun, seorang pengedar dadah/ pil kuda • Tempoh di rumah perlindungan: Satu bulan • Pengambilan bahan-bahan terlarang: Tiada • Merokok: Pernah • Masalah disiplin: Ponteng kelas dan keluar (dating) dengan rakan lelaki
2.	Adik F (bukan nama sebenar)	<ul style="list-style-type: none"> • Umur: 14 tahun • Pendidikan: Tingkatan Dua • Status keluarga: Ibu suri rumah dan bapa bekerja sebagai pemandu lori



- Bilangan adik-beradik: Lima orang (anak keempat)
 - Status teman lelaki: Berumur 18 tahun, tidak bekerja
 - Tempoh di rumah perlindungan: Dua bulan
 - Pengambilan bahan-bahan terlarang: Tiada
 - Merokok: Pernah menghisap vape
 - Masalah disiplin: Ponteng kelas dan terlibat dengan pergaduhan di sekolah
-
3. Adik N (bukan nama sebenar)
- Umur: 15 tahun
 - Pendidikan: Tingkatan Tiga
 - Status keluarga: Ibu dan bapa bekerja sebagai operator kilang berlainan
 - Bilangan adik-beradik: Empat orang (anak pertama)
 - Status teman lelaki: Berumur 17 tahun, seorang penagih dadah
 - Tempoh di rumah perlindungan: Empat bulan
 - Pengambilan bahan-bahan terlarang: Tiada
 - Merokok: Tidak pernah
 - Masalah disiplin: Ponteng kelas
-
4. Adik M (bukan nama sebenar)
- Umur: 17 tahun
 - Pendidikan: Tingkatan Tiga
 - Status keluarga: Ibu suri rumah dan bapa bekerja sebagai pengawal keselamatan
 - Bilangan adik-beradik: Dua orang (anak angkat)
 - Status teman lelaki: Berumur 20 tahun dan seorang penagih dadah
 - Tempoh di rumah perlindungan: Enam bulan
 - Pengambilan bahan-bahan terlarang: Pernah mengambil dadah jenis pil dan minum arak
 - Merokok: Pernah
 - Masalah disiplin: Berhenti sekolah dan bekerja di kelab malam umur 16 tahun
-
5. Adik S (bukan nama sebenar)
- Umur: 15 tahun
 - Pendidikan: Tingkatan Tiga
 - Status keluarga: Ibu suri rumah dan bapa bekerja sebagai pengawal keselamatan
 - Bilangan adik-beradik: Enam orang (anak kelima)
 - Status teman lelaki: Berumur 16 tahun dan telah mengenali selama tiga tahun, bersekolah di sekolah yang sama dengan responden
 - Tempoh di rumah perlindungan: Satu bulan



		<ul style="list-style-type: none"> • Pengambilan bahan-bahan terlarang: Tiada • Merokok: Tidak pernah • Masalah disiplin: Lepak dengan kawan-kawan
6.	Adik I (bukan nama sebenar)	<ul style="list-style-type: none"> • Umur: 16 tahun • Pendidikan: Tingkatan Empat • Status keluarga: Ibu suri rumah dan bapa bekerja sebagai pegawai bank • Bilangan adik-beradik: Tiga orang (anak ketiga) • Status teman lelaki: Berumur 16 tahun dan merupakan rakan sekelas di sekolah, masih bersekolah di Tingkatan Empat • Tempoh di rumah perlindungan: Satu bulan • Pengambilan bahan-bahan terlarang: Tiada • Merokok: Tidak pernah • Masalah disiplin: Tidak pernah
7.	Adik L (bukan nama sebenar)	<ul style="list-style-type: none"> • Umur: 15 tahun • Pendidikan: Tingkatan Tiga • Status keluarga: Ibu bapa bekerja sebagai penoreh getah • Bilangan adik-beradik: Sembilan orang (anak kelapan) • Status teman lelaki: Berumur 15 tahun dan tidak bersekolah, tinggal di sebelah rumah responden • Tempoh di rumah perlindungan: Tujuh bulan • Pengambilan bahan-bahan terlarang: Tiada • Merokok: Tidak pernah • Masalah disiplin: Tidak pernah
8.	Adik K (bukan nama sebenar)	<ul style="list-style-type: none"> • Umur: 18 tahun • Pendidikan: Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) • Status keluarga: Ibu suri rumah dan bapa bekerja sebagai tukang kebun • Bilangan adik-beradik: Tujuh orang (anak keenam) • Status teman lelaki: Berumur 18 tahun, seorang penagih dadah dan tidak bekerja • Tempoh di rumah perlindungan: Dua bulan • Pengambilan bahan-bahan terlarang: Tiada • Merokok: Tidak pernah • Masalah disiplin: Tidak pernah

Berdasarkan temu bual yang telah dijalankan, terdapat empat tema yang telah diperolehi dalam kajian ini iaitu (1) penyesalan dalam diri, (2) ingin berubah, (3) berdikari, dan (4) kebertanggungjawaban. Penjelasan mengenai tema ini melibatkan sikap RHTN semasa keberadaan mereka di rumah perlindungan kerajaan.

Tema satu: Penyesalan dalam diri

Penyesalan dalam diri merupakan keadaan di mana seseorang individu merasakan perbuatan yang telah dilakukan sebelum ini telah menimbulkan kesan yang negatif ke dalam diri. Keadaan ini menyebabkan individu tersebut menyesal melakukan perbuatan yang memberi implikasi buruk sehingga mengganggu emosi dan mental mereka. Pada masa yang sama mereka berusaha untuk tidak mengulangi kesilapan yang dilakukan bagi memberi kesedaran dalam diri. Peserta kajian telah menunjukkan sikap penyesalan dalam diri terhadap kehamilan luar nikah yang dilalui di rumah perlindungan wanita.

“Bila masuk sini mula rasa insaf, tak tahulah nak beritahu macam mana, tapi rasa insaf”

(Adik A, 2019)

“Rasa macam ni (hamil luar nikah) sekali cukuplah. Saya dah rasa susahnyanya hidup macam ini. Betul-betul kalau boleh tak nak hamil seperti ini lagi.”

(Adik F, 2019)

“Lepas keluar dari sini (rumah perlindungan wanita), *confirm* memang tak nak buat dah (hamil luar nikah). Sebab dah tahu perasan yang dilalui.”

(Adik N, 2019)

Apabila menceritakan keadaan mereka semasa di rumah perlindungan, mereka menyatakan bahawa berlaku perubahan terhadap sikap yakni mula berasa insaf dan menyesal di atas perbuatan mereka dan tidak mahu mengulangi kesilapan yang sama seperti yang telah dilakukan sebelum ini. Penyesalan dalam diri yang timbul secara tidak langsung telah memberi kekuatan kepada peserta kajian dalam menyumbang kepada perubahan sikap yang positif untuk berubah.

Tema dua: Ingin berubah

Peserta kajian menganggap kemasukan ke rumah perlindungan merupakan pengajaran dalam hidup apabila hubungan yang terjalin dengan teman lelaki telah menyebabkan kehamilan. Tambahan, keadaan ini menyebabkan ibu bapa mereka merasa sedih disebabkan perbuatan tersebut dan bimbang sekiranya anak mereka melakukan pengguguran ke atas kandungannya dan sebagainya. Bagi mengelakkan perkara sedemikian terjadi, kebanyakan ibu bapa atau penjaga membuat keputusan untuk menghantar RHTN ke rumah perlindungan dengan harapan memberi kesedaran kepada RHTN tersebut. Oleh itu, dalam kajian ini mendapati terdapat remaja yang hamil hasil hubungan dengan teman lelaki ini telah menunjukkan sikap ingin berubah ketika berada di rumah perlindungan wanita.

“Takkan saya nak jadi macam ni lagi (hamil) dan takkan saya nak masuk sini lagi (rumah perlindungan wanita), Saya anggap perkara ni jadi pengajaran dalam hidup saya dan saya nak berubah.”

(Adik M, 2019)

“Sebelum ni kira nak ikut kepala sendiri ja, tapi bila sekarang duduk sini (rumah perlindungan wanita) bila diberikan arahan, kena tegur, saya macam boleh terima, boleh ikut cara mereka (pengurusan).”

(Adik S, 2019)

“Sebelum ni saya jarang solat tapi sekarang tak pernah tinggal (solat). Itu yang saya rasa nak berubah”

(Adik I, 2019)

“Bila duduk sini (rumah perlindungan wanita), barulah ada rasa nak pakai sopan-sopan sikit. lagipun di sini memang di ajar berpakaian secara sopan sebab masa di rumah kita pakai apa yang kita rasa betul tapi di sini baru sedar cara menutup aurat dengan betul dan lain-lain”

(Adik L, 2019)

Peserta kajian menjelaskan bahawa berada di rumah perlindungan menyebabkan mereka ingin berubah menjadi lebih baik. Bagi mereka hamil

tanpa telah menjadi pengajaran dalam hidup supaya tidak mengulangi perbuatan. Sokongan ibu bapa yang menghantar peserta di rumah perlindungan adalah langkah yang tepat berbanding menyalahkan anak mereka yang hamil tanpa nikah. Malahan, membuat lawatan kepada peserta pada hari-hari tertentu banyak membantu peserta berubah kepada lebih baik. Situasi ini digambarkan dalam pernyataan berikut:

“Mereka datang tengok, macam sebulan sekali mereka datang. Selalu ibu datang dengan dengan pa...dapat tengok muka mereka pun saya dah *happy*”

(Adik I, 2019)

“Mak cik yang duduk area sini ada la selalu datang...dia selalu datang...sebab mak dan ayah susah nak datang...kadang-kadang mak cik sampaikan pesan mak...”

(Adik A, 2019)

“Mak fikir daripada saya duduk dekat luar takut apa-apa jadi dekat kandungan ke apa...so *better* pusat ni...mula-mula tak nak la...lepas tu mama cakap, aaa...nanti kalau mama takde sape nak jaga adik kan...kali ni je dengar cakap mama, so bila dengar macam tu, oklah...takpelah...masuk”

(Adik M, 2019)

“Yang ok ni saya...alhamdulillah saya dapat yang ok...so diaorang bagi lah call...*sometimes* je lah...tak selalu lah...dia orang akan bagi call, apa semua...dalam masa *first-first* masuk tu memang tak boleh lagi lah sebab baru lagi kan...so bila dah lama, dia orang ok la bagi call apa semua ...”

(Adik K, 2019)

Tambahan, perubahan sikap yang suka memberontak kepada boleh menerima teguran, jarang bersolat kepada tidak tinggal solat dan pemakaian kurang sopan kepada lebih sopan dan menutup aurat telah membuktikan bahawa mereka mempunyai sikap ingin berubah kepada keadaan diri yang lebih baik. Oleh yang demikian, situasi hamil tanpa nikah telah menjadi titik tolak dalam hidup supaya tidak mengulangi perbuatan tersebut selepas berakhirnya tempoh perlindungan di rumah perlindungan wanita.

Tema tiga: Berdikari

Berdikari dalam konteks kajian ini bermaksud remaja hamil yang ditempatkan di rumah perlindungan dapat melakukan sesuatu tugas secara sukarela. Mereka dianggap boleh berdikari tanpa bergantung, paksaan dan tunjuk ajar daripada mana-mana pihak untuk melakukannya.

“Seperti memasak dan mengemas rumah, dulu saya kurang buat semua itu, kadang-kadang tak buat pun, jadi tak berapa pandai, sekarang ada semua benda ini belajar di sini, boleh buat...sikit-sikit tu dah tahu jugak la”

(Adik F, 2019)

“Kalau di rumah dulu, ikut suka sendiri, di sini ada rutin, bangun pagi kena buat apa, malam buat apa, jadi kerja yang kena buat tu kita dah tahu sebab tiap hari buat...mula-mula rasa susah tapi lama-lama dah ok. Sambil-sambil itu dapat belajar ilmu”

(Adik K, 2019)

Perbualan tersebut menunjukkan peserta kajian melakukan aktiviti harian seperti memasak, mengemas dan aktiviti-aktiviti lain sepanjang keberadaan di rumah perlindungan. Menurut peserta kajian lagi, sebelum memasuki rumah perlindungan, mereka agak kurang untuk melakukan semua aktiviti harian tersebut dan tidak menjadikan sebagai rutin.

Tema empat: Kebertanggungjawaban

Sikap RHTN juga dapat diperkukuhkan dengan elemen tanggungjawab. Ini bermaksud sesuatu pekerjaan yang mesti dilakukan mengikut peraturan yang telah ditetapkan. Tanggungjawab yang diterapkan kepada penghuni yang berada di rumah perlindungan membolehkan mereka melakukan tugas di sekitar asrama. Sikap melalui penerapan elemen kebertanggungjawaban dapat dilihat seperti yang dinyatakan oleh peserta kajian dalam temu bual.

“Kami diberikan jadual ikut tugas masing-masing, kena kemaskan tempat tidur dalam asrama tu hari-hari, sapu sampah, cuci longkang...ikut la jadual yang ditetapkan”

(Adik M, 2019)

“Setiap daripada kami disini memang ada kerja atau tugas yang kena buat seperti mencuci bilik, mop lantai, sapu sampah, jadi kerja itu dah jadi tanggungjawab, kena buat la...”

(Adik L, 2019)

Hasil temu bual tersebut menunjukkan bahwa peserta kajian berusaha melakukan tugas yang dipertanggungjawabkan mengikut jadual yang telah ditetapkan seperti mengemas kawasan rumah perlindungan, mencuci longkang dan sebagainya. Perkara-perkara ini dapat membentuk sikap kebertanggungjawabab mereka dan secara tidak langsung membimbing mereka untuk bertanggungjawab menjaga kandungan dan bayi yang akan dilahirkan.

Selain itu, peserta juga dilatih sikap bertanggungjawab kepada agama dalam meningkatkan elemen kerohanian dan spiritual. Antaranya solat berjamaah, mengaji al-Quran, ilmu fardhu ain, berpuasa, solat sunat dan sebagainya. Malahan, terdapat peserta yang juga membantu peserta yang lemah dalam ilmu agama selain daripada ustazah yang mengajar. Ini berdasarkan pernyataan berikut:

“haaa...ada, kami buat setiap hari ahad hingga hari jumaat. Kami ada buat solat sunat dhuha...ermm... pastu kadang-kadang solat sunat hajat”

(Adik A, 2019)

“Sebelum ni jarang la solat... sekarang tak pernah tinggal...selalu buat solat wajib tu *confirm* la...solat dhuha, solat hajat...”

(Adik N, 2019)

“Ada buat kelas mengaji...*actually* saya dah khatam dah kat rumah...sini dah khatam dah bila masuk sini...dua kali...sometimes saya ada la bantu kawan-kawan lain jugak...bantu sikit-sikit macam tu la...”

(Adik F, 2019)

Perbincangan

Keadaan kehamilan yang tidak diingini pada usia remaja memberi kesan besar kepada RHTN, terutamanya daripada aspek penerimaan ibu bapa atau keluarga dan membuat keputusan sama ada untuk meneruskan kehamilan atau

sebaliknya. Oleh itu, sikap RHTN dalam menghadapi situasi ini penting bagi mengelakkan tindakan yang tidak rasional seperti mengulangi perbuatan yang sama atau melakukan tindakan negatif bagi bertindak balas terhadap keadaan yang menimpa diri mereka. Remaja ini akan merasa panik untuk menangani apa yang harus mereka lakukan supaya tidak diketahui oleh keluarga sehingga menyebabkan ada yang cuba menggugurkan kandungan dengan pelbagai cara untuk menutup kehamilan mereka. Jenayah lain seperti bunuh diri, pembuangan bayi (Nurhazlina et al., 2021).

Hasil kajian ini menunjukkan bahawa semua peserta kajian di rumah perlindungan wanita memiliki perubahan sikap yang positif sepanjang tempoh kehamilan semasa mereka berada di rumah perlindungan. Perubahan sikap ini disebabkan oleh modul pemulihan yang diikuti serta sokongan sosial dan hubungan baik RHTN dengan penjaga dan rakan-rakan (penghuni lain) di rumah perlindungan wanita. Kajian oleh Olajubu et al. (2021) menjelaskan pentingnya sokongan sosial sebagai faktor penyederhanaan positif terhadap tahap tekanan remaja hamil. Oleh itu, sokongan sosial adalah penting kerana mereka yang berada di rumah perlindungan akan mudah merasa tertekan dan kesepian kerana berpisah dengan keluarga mereka untuk jangka masa yang panjang (Rohany et al., 2016; Hayward, 2011).

Selain itu, perubahan sikap yang positif dalam kalangan RHTN didapati sangat penting dalam membantu mereka menerima kesalahan yang dilakukan, meneruskan kehamilan hingga melahirkan anak, bertaubat dan memilih masa depan yang lebih baik. Sikap positif oleh RHTN di rumah perlindungan secara tidak langsung dapat memberi harapan dan peluang untuk mereka terus bangkit untuk mendepani arus kehidupan dalam mengubah kepercayaan dan persepsi masyarakat terhadap mereka (Nor Jana et al., 2016). Rumah perlindungan seperti rumah perlindungan wanita kerajaan boleh menjadi tempat yang sesuai di mana semua aktiviti dan tingkah laku penghuni dapat diperhatikan secara langsung. Tekad dan kesungguhan penjaga/pengurus serta semua staff di rumah perlindungan wanita yang membantu RHTN yang kebanyakannya didiskriminasi oleh masyarakat tanpa menyiasat punca sebenar kejadian tersebut amat membantu dalam proses perubahan sikap RHTN. Sepatutnya setiap ahli masyarakat perlu menolong RHTN untuk menjalani kehidupan yang normal pada masa akan datang. Rumah perlindungan dalam kajian ini nampaknya adalah contoh rumah perlindungan yang menunjukkan mobilisasi usaha individu dan kerajaan untuk meringankan bebanan sosial dan psikologi RHTN seterusnya membantu sikap yang positif dalam diri remaja berkenaan.

Persekitaran tempat perlindungan juga memainkan peranan penting untuk perubahan sikap RHTN. Oleh itu, pengurusan setiap tempat perlindungan mesti menguruskan program dan aktiviti berdasarkan modul yang lebih sistematik dan berkesan dari segi agama, kerohanian, motivasi, dan kemahiran. Sebagai contoh, aktiviti keagamaan dan kerohanian di rumah perlindungan dapat berfungsi sebagai faktor pelindung yang membantu perubahan sikap positif RHTN. RHTN mungkin mengalami tekanan kerana rasa bersalah yang melampau terhadap tingkah laku negatif mereka yang menyebabkan kehamilan yang tidak diingini. Justeru, para penyelidik melihat penekanan nilai agama dapat melindungi RHTN agar tidak mengulangi salah laku yang sama dan sebagai panduan kehidupan yang baik setelah meninggalkan rumah perlindungan.

Kajian terdahulu menyatakan bahawa modul agama berorientasikan Islam telah digunakan di institusi (Nurul Husna et al, 2017; Siti Marziah & Nur Afifah, 2017) kerana majoriti penghuninya beragama Islam. Nilai-nilai agama dan spiritual disamping aspek-aspek lain adalah penting untuk memastikan seseorang khususnya RHTN agar tidak terjebak atau berulang kali melakukan perkara negatif yang boleh merosakkan moral dan identiti mereka. Dalam proses pemulihan, aspek nilai agama perlu diberi penekanan khas kerana dapat membantu perubahan sikap yang positif dalam kalangan remaja yang terlibat untuk membina kehidupan yang lebih sejahtera.

Adalah disarankan supaya penyelidik akan datang dapat melihat perspektif lain juga seperti menemubual ibu bapa, ahli keluarga, rakan rapat dan jika boleh dengan pasangan yang terlibat secara langsung dengan peserta kajian. Limitasi kajian ini hanya melibatkan data yang diperoleh dalam kalangan bangsa Melayu beragama Islam barangkali boleh diperluaskan bagi melihat dalam kalangan bangsa lain pula yang tinggal di pusat perlindungan di bawah pengendalian kerajaan mahupun agensi swasta yang boleh memberikan gambaran lebih besar dan komprehensif (Mohamad Shahbani, 2021).

Kesimpulan

Pembinaan sikap yang positif amat penting dalam diri RHTN untuk meminimumkan, menyesuaikan diri, memulihkan, atau mengatasi penderitaan besar yang berlaku dalam kehidupan peribadi mereka apabila menyedari telah hamil diluar nikah. Pengalaman mereka di rumah perlindungan telah mempengaruhi perubahan sikap mereka kepada lebih positif. Mereka juga menyedari kesalahan yang telah dilakukan, berazam untuk berubah menjadi lebih baik dan tabah dengan dugaan hidup. Melalui pembinaan sikap positif yang

diperolehi semasa tinggal di rumah perlindungan diharap dapat meningkatkan kehidupan RHTN dari segi pendidikan, kerjaya, mahupun kehidupan seharian.

Justeru, pelbagai pihak perlu bekerjasama untuk memastikan bahawa remaja yang terlibat dalam isu kehamilan luar nikah berada di landasan yang betul untuk menjalani proses kehamilan dan kelahiran bayi yang dikandung. Hal ini kerana RHTN adalah salah satu kumpulan rentan yang perlu dibimbing untuk memastikan sikap mereka terkawal semasa dan selepas meninggalkan tempat perlindungan. Usia mereka terlalu muda untuk menghadapi cabaran besar sepanjang kehamilan sehingga proses kelahiran kerana kebanyakan mereka diketepikan oleh ibu bapa atau penjaga, ditinggalkan oleh teman lelaki dan didiskriminasi oleh masyarakat dek kesalahan yang telah lakukan.

Oleh itu, usaha yang dilakukan oleh rumah perlindungan wanita adalah antara contoh yang baik untuk memastikan bahawa RHTN mempunyai sikap yang positif dapat menjalani kehidupan mereka dengan lebih bermakna. Sememangnya rumah perlindungan perlu menyediakan perkhidmatan yang memenuhi keperluan sosial dan psikologi penghuni kerana proses pemulihan ini sangat penting untuk membentuk dan memupuk perubahan sikap yang positif dalam kalangan RHTN bukan sahaja semasa mereka di rumah perlindungan malah sehingga keluar daripada rumah perlindungan.

Penghargaan

Kajian ini telah disokong oleh Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) Malaysia melalui Skim Geran Penyelidikan Fundamental (FRGS/1/2018/SS06/UUM/02/6).

Rujukan

Ainsworth, M. D. S., & Bowlby, J. (1991). An ethological approach to personality development. *American Psychologist*, *46*, 331-341.

Aishah Mohd Nor, Najibah Mohd Zin, & Roslina Che Soh. (2019). The adequacy of existing support systems in addressing the issue of teenage pregnancies in Malaysia: A legal response. *International Islamic University Malaysia (IIUM) Law Journal*, *27*(1), 121-50. Diakses pada Mac 18, 2020, daripada <https://doi.org/10.31436/iiumlj.v27i1.431>

Azmawaty Mohamad Nor, Shanina Sharatol Ahmad Shah, Usharani Balasingam, & Zaida Nor Zainudin. (2019). The Turning Point in an Unwanted Teenage

Pregnancy: A Psychoemotional Perspective. *Malaysian Journal of Medicine and Health Sciences*, 15. 30-36.

Bałanda-Bałdyga, A., Pilewska-Kozak, A. B., Łepecka-Klusek, C., Stadnicka, G., & Dobrowolska, B. (2020). Attitudes of teenage mothers towards pregnancy and childbirth. *International Journal of Environmental Research and Public Health*, 17(4), 1411.

Bowlby, J. (1988). *A secure base: Parent-child attachment and healthy human development.*: Basic Books.

Braun, V., & Clarke, V. (2006). Using thematic analysis in psychology. *Qualitative research in Psychology*, 3 (2), 77-101.

Cense, M., & Ganzevoort, R. R. (2018): The storyscapes of teenage pregnancy. On morality, embodiment, and narrative agency. *Journal of Youth Studies*, 22(4), 568-583.

Creswell, J. W., & Poth, C. N. (2018). *Qualitative inquiry and research design: Choosing among five approaches* (4th ed.). Sage Publications.

Dallas, C. M. (2013). Rapid repeat pregnancy among unmarried, African American adolescent parent couples. *Western Journal of Nursing Research*, 35(2), 177-192. Diakses pada Mac 18, 2020, daripada <https://doi.org/10.1177%2F0193945912463268>

Fuziah Shaffie, Mohamad Shahbani Sekh Bidin & Md Zawawi Abu Bakar (2021). A case study of the management of the private shelter for unmarried pregnant adolescents. *Asian Social Work Journal (ASWJ)* 6 (2) 31-40.

Grady, C. (2015). Enduring and emerging challenges of informed consent. *New England Journal of Medicine*, 372(9), 855-862.

Hayward, G. (2011). Teenage pregnancy and its health implications. *International Journal of Public Health Research Special Issues*. 100-102. Diakses pada Jun 08, 2019, daripada <https://core.ac.uk/download/pdf/11492346.pdf>

Kementerian Kesihatan Malaysia. (2019). *Statistik remaja hamil 2014-2018* [Infografik]. Diakses pada Jun 08, 2019, daripada <http://www.moh.gov.my>.

Kumar, K. (2015, May 07). Teen pregnancies, child marriage behind high maternal deaths in Malaysia, say activists. *The Malay Mail Online*. Diakses pada Jun 08, 2019, daripada <http://www.themalaymailonline.com>

Maio, G. R., Haddock, G., & Verplanken, B. (2018). *The psychology of attitudes and attitude change* (3rd ed.). Sage Publications.

Manzi, F., Ogwang, J., Akankwatsa, A., Wokali, O. C., Obba, F., Bumba, A., Nekaka, R., & Gavamukulya, Y. (2018). Factors associated with teenage pregnancy and its effects in Kibuku town council, Kibuku district, Eastern Uganda: A cross sectional study. *Primary Health Care*, 8 (298), 1-6.

Mariam Abd Majid, Nurul Zafirah Azman, & Muhammad Yusuf Marlon (2020). Implikasi dialami remaja hamil luar nikah: Kajian di pusat pemulihan akhlak negeri Selangor. *Jurnal Pengajian Islam*, 13 (2), 71-84.

Marshall, C., & Rossman, G. B. (2016). *Designing qualitative research* (6th ed.). Sage Publications.

Merriam, S. B., & Tisdell, E. J. (2016). *Qualitative research: A guide to design and implementation* (4th ed.). Jossey-Bass Publishers.

Mohamad Shahbani Sekh Bidin & Fuziah Shaffie (2020). Associated factors among unmarried pregnant adolescents in Malaysia. *International Journal of Advanced Studies in Social Science and Innovation*, 4 (1): 1-15.

Mohamad Shahbani Sekh Bidin (2021). Psychosocial Resilience of Unmarried Pregnant Adolescents: A Study at Shelter Home in Perlis (Doctoral Dissertation). Universiti Utara Malaysia, Sintok, Kedah.

Nor Jana Saim, Ghazinour, M., & Ritcher, J. (2016). Mental health predicted by coping, social support, and resilience among young unwed mother pregnant Malaysian women and mothers living in shelter homes. *International Journal of Human Rights in Healthcare*, 9 (3), 185-197.

Nurhazlina Mohd Ariffin, Mohamad Shahbani Sekh Bidin & Fuziah Shaffie (2021). The resilience of unwed pregnant teenagers: A preliminary survey at Malaysian women's shelter homes. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 6 (11), 285-295.

Nurul Husna Mansor, Khairul Hamimah Mohammad Jodi, Raihanah Abdullah, & Fakhrol Adabi Abdul Kadir. (2017). Pemulihan akhlak di pusat perlindungan wanita: Kajian di Baitul Ehsan dan Dar Assaadah. *Jurnal Hadhari: An International Journal*, 9(2), 261-274.

Olajubu, A. O., Omoloye, G. O., Olajubu, T. O. and Olowokere, A. E. (2021). Stress and resilience among pregnant teenagers in Ile-Ife, Nigeria. *European Journal of Midwifery*, 5, 1-9.

Olson, M. A. & Kendrick, R. V. (2008). Origins of attitudes. In W. D. Crano & R. Prislin (Eds.), *Attitudes and attitude change* (pp. 111-130). Psychology Press.

Pearson J. C., Nelson, P. E., Titsworth, S., & Harter, L. (2011). *Human Communication* (4th ed.). Macgrow.

Rohany Nasir, Zainah Ahmad Zamani, Rozainee Khairudin, Wan Shahrazad Wan Sulaiman, Mohd Norahim Mohd Sani, & Aizan Sofia Amin (2016). Depression, loneliness and cognitive distortion among young unwed pregnant women in Malaysia: Counselling implications. *Asian Social Science*, 12 (8), 104-109.

Rogers, C. (1981). *A Way of Being*. Boston: Houghton Mifflin.

Rogers, C. (1959). A theory of therapy, personality relationships as developed in the client-centered framework. In S. Koch (Ed.), *Psychology: A study of a science*. Vol. 3: *Formulations of the person and the social context*. McGraw-Hill.

Sedgh, G., Finer, L. B., Bankole, A., Eilers, M. A., & Singh, S. (2015). Adolescent pregnancy, birth, and abortion rates across countries: Levels and recent trends. *Journal of Adolescent Health*, 56 (2), 223-230.

Siti Marziah Zakaria & Nur Afifah Zulkifli. (2017). Pengalaman remaja di rumah Perlindungan dan perubahan dalam makna hidup. *Journal of Social Sciences and Humanities*, 14(5), 1-11.

Trenholm, S. & Jensen, A. (2011). *Interpersonal communication* (7th ed.). Oxford University Press.

Utomo, I.D., & Utomo, A. (2013). Adolescent pregnancy in Indonesia. *Journal Study of World Population Day*, 2, 23–34.

Vin, S. X., Muhammad, N. A., Sun, T. P., Meng, K. T. T., Tohid, H., & Omar, K. (2014). Physical and psychosocial impacts of pregnancy on adolescents and their coping strategies: A descriptive study in Kuala Lumpur, Malaysia. *Malaysian Journal of Public Health Medicine*, 14(3), 71-80.

Wan Fadhilah Wan Ismail (2012, December 20). Effects & consequences of teenage pregnancy. *MyHealth*: Ministry of Health Malaysia. Diakses pada Jun 08, 2019, daripada <http://www.myhealth.gov.my/en/effects-a-consequences-ofteenage-pregnancy>

Yin, R. K. (2018). *Case study research and applications: Design and methods* (6th ed.). Sage Publications.